



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN SOSIO-EMOSI DENGAN PRESTASI AKADEMIK MURID SEKOLAH RENDAH

ELLY YUZREEZA BINTI OTHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran sosio-emosi dengan prestasi akademik murid sekolah rendah. Lima kemahiran sosio-emosi yang dicadangkan oleh Child Trends iaitu kawalan diri, persisten, orientasi masteri, efikasi sendiri akademik dan kompetensi sosial dijadikan pemboleh ubah bebas dalam kajian ini manakala prestasi akademik adalah pemboleh ubah bersandar. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan. 350 orang murid tahun 5 dipilih secara rawak dari tujuh buah sekolah rendah di daerah Kinta Selatan, Perak. Pengumpulan data menggunakan borang soal selidik dengan empat skala Likert. Dapatan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan jantina ($t=-3.747$, $p<0.05$). ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan kaum ($F=3.211$, $p=0.023$, $p<0.05$). Dapatan ujian korelasi menunjukkan kelima-lima kemahiran sosio-emosi mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi akademik iaitu kawalan diri ($r=0.824$, $p=0.000$), efikasi sendiri akademik ($r=0.730$, $p=0.000$), persisten ($r=0.723$, $p=0.000$), orientasi masteri ($r=0.704$, $p=0.000$) dan kompetensi sosial ($r=0.786$, $p=0.000$). Kesimpulannya, lima kemahiran sosio-emosi tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi akademik. Implikasinya, kemahiran sosio-emosi dapat diterapkan oleh guru-guru sekolah rendah supaya mereka dapat meningkatkan prestasi akademik murid.





THE RELATIONSHIP BETWEEN SOCIAL-EMOTIONAL SKILLS AND ACADEMIC PERFORMANCE OF PRIMARY SCHOOL PUPILS

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the relationship between social-emotional skills and academic performance of primary school pupils. Five social-emotional skills proposed by the Child Trends which are self-control, academic self-efficacy, persistence, mastery orientation and social competence were served as independent variables in this study while academic performance is served as a dependent variable. This study used quantitative approach with survey method. 350 pupils of year 5 were randomly chosen from seven primary schools in Kinta Selatan, Perak. Questionnaires with 4-point Likert scale were used to collect datas. The findings from t-test indicated that there was a significant difference of pupils' social-emotional skills based on gender ($t=-3.747$, $p<0.05$). One-way ANOVA indicated that there was a significant difference of social-emotional skills based on race ($F=3.211$, $p=0.023$, $p<0.05$). Correlation analysis findings showed that all five social-emotional skills have significant relationship with academic performances which were self-control ($r=0.824$, $p=0.000$), academic self-efficacy ($r=0.730$, $p=0.000$), persistence ($r=0.723$, $p=0.000$), mastery orientation ($r=0.704$, $p=0.000$) and social competence ($r=0.786$, $p=0.000$). As for conclusion, the findings of this study suggested that social-emotional skills were significantly associated with academic performance. The implication of this study is, social-emotional skills could be implied by the primary school teachers to increase pupils' academic performances.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian	10
1.7 Hipotesis Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Skop dan Batasan Kajian	14
1.10 Kerangka Teori	16

1.11	Kerangka Konseptual	17
1.12	Definisi Operasional	18
1.12.1	Kemahiran Sosio Emosi	18
1.12.1.1	Kawalan Diri	18
1.12.1.2	Efikasi Kendiri Akademik	19
1.12.1.3	Persisten	20
1.12.1.4	Orientasi Masteri	20
1.12.1.5	Kompetensi Sosial	21
1.12.2	Prestasi Akademik	21
1.13	Kesimpulan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	23
2.2	Teori Perkembangan Psikososial Erikson	24
2.3	Model-model berkaitan Kemahiran Sosio Emosi	25
2.3.1	Model Kompetensi Kecerdasan Emosi Goleman (1995)	25
2.3.2	Model Kecerdasan Emosi Higgs dan Dulewicz (1999)	26
2.3.3	Model Kecerdasan Emosi Bar-On (2000)	28
2.3.4	Model Kecerdasan Emosi Cooper dan Sawaf (2007)	28
2.3.5	Hubungan Model-model dan Kajian	30
2.4	Hubungan Kemahiran Sosio Emosi dengan Prestasi Akademik	31
2.4.1	Hubungan Kawalan diri dengan Prestasi Akademik	32
2.4.2	Hubungan Efikasi Kendiri Akademik dengan Prestasi Akademik	33
2.4.3	Hubungan Persisten dengan Prestasi Akademik	35
2.4.4	Hubungan Orientasi Masteri dengan Prestasi Akademik	36

2.4.5	Hubungan Kompetensi sosial dengan Prestasi Akademik	38
2.5	Kajian Lampau	40
2.5.1	Kajian Dalam Negara	41
2.5.2	Kajian Luar Negara	43
2.6	Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Lokasi Kajian, Populasi dan Persampelan	50
3.3.1	Lokasi Kajian	50
3.3.2	Populasi	51
3.3.3	Persampelan	52

3.4	Instrumen Kajian	54
3.5	Kajian Rintis	61
3.6	Kebolehpercayaan	62
3.7	Perlaksanaan Kajian	63
3.7.1	Pengumpulan Data	63
3.7.2	Penganalisan Data	65
3.8	Kesimpulan	69

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	70
4.2	Analisis Profil Responden	71
4.2.1	Lokasi Sekolah	71
4.2.2	Jantina	72
4.2.3	Kaum	72

4.2.4 Prestasi Murid dalam Peperiksaan Akhir Tahun	73
4.3 Analisis Statistik Deskriptif	74
4.3.1 Kawalan Diri	74
4.3.2 Efikasi Kendiri Akademik	76
4.3.3 Persisten	77
4.3.4 Orientasi Masteri	79
4.3.5 Kompetensi Sosial	80
4.4 Analisis Perbandingan Min	82
4.4.1 Kemahiran Sosio Emosi Murid berdasarkan Lokasi Sekolah	82
4.4.3 Kemahiran Sosio Emosi Murid berdasarkan Jantina	83
4.4.4 Kemahiran Sosio Emosi Murid berdasarkan Kaum	84
4.5 Analisis Ujian Korelasi	85
4.5.1 Hubungan Kemahiran Sosio Emosi dengan Prestasi Akademik	86
4.6 Kesimpulan	88

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	90
5.2 Rumusan kajian	91
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	92
5.3.1 Perbezaan Kemahiran Sosio Emosi berdasarkan Lokasi Sekolah	92
5.3.2 Perbezaan Kemahiran Sosio Emosi berdasarkan Jantina	93
5.3.3 Perbezaan Kemahiran Sosio Emosi berdasarkan Kaum	94
5.3.4 Hubungan Kawalan Diri dengan Prestasi Akademik Murid	95



5.3.5	Hubungan Efikasi Kendiri Akademik dengan Prestasi Akademik Murid	96
5.3.6	Hubungan Persisten dengan Prestasi Akademik akademik dengan prestasi akademik murid	97
5.3.7	Hubungan Orientasi Masteri dengan Prestasi Akademik Murid	97
5.3.8	Hubungan Kompetensi Sosial dengan Prestasi Akademik Murid	98
5.4	Implikasi dan Cadangan	99
5.5	Limitasi Kajian	102
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	103
5.7	Rumusan Hipotesis Kajian	105
5.8	Kesimpulan	106
	RUJUKAN	108



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Keputusan UPSR 2016	6
2.1 Hubungan Model-model Kecerdasan Emosi	30
3.1 Senarai negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia	50
3.2 Senarai daerah di negeri Perak	51
3.3 Bilangan saiz sampel berdasarkan sekolah	54
3.4 Kriteria Keputusan Peperiksaan	55
3.5 Pecahan Bahagian Soal Selidik	56
3.6 Sumber Item Instrumen	59
3.7 Kebolehpercayaan Konstruk	62
3.8 Statistik berdasarkan Persoalan Kajian dan Pemboleh Ubah	67
3.9 Jadual Interpretasi Min	68
3.10 Nilai Pekali Korelasi (r)	69
4.1 Bilangan Responden Berdasarkan Lokasi Sekolah	71
4.2 Bilangan Responden Berdasarkan Jantina	72
4.3 Bilangan Responden Berdasarkan Kaum	73
4.4 Analisis Prestasi Peperiksaan Akhir Tahun Murid	74
4.5 Taburan Peratusan dan Min bagi Kawalan Diri	75
4.6 Taburan Peratusan dan Min bagi Efikasi Kendiri Akademik	77
4.7 Taburan Peratusan dan Min bagi Persisten	78

4.8	Taburan Peratusan dan Min bagi Orientasi Masteri	80
4.9	Taburan Peratusan dan Min bagi Kompetensi Sosial	81
4.10	Kemahiran Sosio Emosi Murid berdasarkan Lokasi Sekolah	83
4.11	Kemahiran Sosio Emosi Murid berdasarkan Jantina	83
4.12	Analisis ANOVA Sehalu Kemahiran Sosio Emosi Murid berdasarkan Kaum	84
4.13	Perbandingan Min Perbezaan Kemahiran Sosio Emosi berdasarkan Kaum	85
4.14	Keputusan Ujian Korelasi Kemahiran Sosio Emosi dengan Prestasi Akademik	87
5.1	Rumusan Berdasarkan Hipotesis	105



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori berdasarkan peringkat keempat Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson	16
1.2 Kerangka konseptual	17
3.1 Prosedur Kajian	49
3.2 Proses Pembinaan Alat Ukur (Tauck Family Foundation & Child Trends, 2014)	57
3.3 Carta Alir Pengumpulan Data	64
3.4 Analisis Statistik	65





SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IQ	Intelligence Quotient / Kecerdasan Intelek
EQ	Emotional Quotient / Kecerdasan Emosi
TOV	Take-Off Value
SK	Sekolah Kebangsaan
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPSS	Statistical Package for Social Service





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Murid
- B Jadual Penentuan Sampel
- C Output SPSS





BAB 1

PENGENALAN



Bab ini bermula dengan konsep pendidikan di mana sosio-emosi merupakan salah satu faktor untuk murid menerima pendidikan menyeluruh. Pendidikan adalah satu proses dalam perkembangan seseorang individu yang melibatkan fizikal, intelek, sosial dan emosi. Pendidikan juga bertujuan menambahkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman supaya dapat memberi keseronokan, kebaikan dan kemajuan dalam kehidupannya, menolong dan mendorongnya bertindak dengan cara yang lebih bagi kebaikan diri sendiri, masyarakat, bangsa dan negaranya (Mok, 2011).

Menurut Rizalina (2014), pendidikan adalah proses yang berterusan yang berkembang serentak dengan perkembangan individu seorang kanak-kanak yang





mempelajari apa sahaja yang ada di sekitarnya. Menurut Elias (2005b), dalam setiap masyarakat, kanak-kanak akan mewarisi tugas sosial yang sekarang dipikul oleh orang dewasa dan sistem pendidikan berperanan untuk membentuk kanak-kanak supaya bersedia untuk menghadapi tugas sosial mereka pada masa akan datang. Maka, pendidikan dianggap penting di seluruh dunia dan sentiasa dipertingkatkan kualitinya untuk menghasilkan individu yang berjaya.

Pendidikan menyeluruh yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ialah untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun, untuk mencapai keseimbangan yang menggalakkan kanak-kanak untuk belajar, bekerja dan menyumbang potensi mereka sepenuhnya menjadi satu cabaran yang berterusan selari dengan dunia yang berkembang menjadi semakin kompleks dan masyarakat yang semakin berpecah-belah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan menuju ke arah meningkatkan standard akademik melalui pengukuran seperti menyelaraskan pengujian dalam subjek-subjek kurikulum. Kualiti pendidikan sering dikaitkan dengan prestasi akademik menyebabkan guru merasa tekanan untuk mendidik murid supaya mencapai tahap akademik yang diharapkan. Kurikulum sosial dan emosi pula dikritik kerana fokuskan masa dan tenaga pada matlamat sosial dan tingkah laku berbanding pembelajaran akademik. Maka, menurut Clarke dan Barry





pada tahun 2011, adalah penting kurikulum sosial dan emosi menunjukkan impak terhadap prestasi akademik.

Cabaran utama sekolah abad ke-21 adalah menyediakan murid-murid dengan kebolehan pelbagai dan bermotivasi untuk belajar (Learning First Alliance, 2001). Malangnya, ramai murid yang kurang kompetensi sosio-emosi dan menjadi kurang hubungan dengan sekolah dalam menempuhi alam sekolah rendah sehinggalah sekolah menengah, dan kurangnya hubungan ini memberi pengaruh negatif terhadap prestasi akademik, tingkah laku dan kesihatan (Blum & Libbey, 2004).

Ahli profesional sekolah mengenal pasti bahawa perkembangan akademik dan prestasi mempunyai hubung kait dengan banyak aspek. Pendidikan menyeluruh kepada kanak-kanak perlulah meliputi aspek kognitif, sosial, emosi, fizikal dan perkembangan kanak-kanak yang berasal dari pelbagai latar belakang (Kochhar-Bryant & Heishman, 2010). Prestasi murid pada hari ini tidak hanya diukur dari segi akademik. Prestasi mereka juga diukur dari segi kebolehan pengurusan diri, berinteraksi dan penglibatan mereka dalam aktiviti di luar kelas (Anggun, 2010; Rizalina, 2014).

Menurut Shahabuddin dan Noor Miza (2014), kematangan emosi kanak-kanak akan mempengaruhi bidang perkembangan mereka yang lain seperti jasmani, mental, rohani, sosial dan kognitif. Azizi et al. (2007) daripada hasil kajian mereka turut mencadangkan bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembelajaran seseorang murid walaupun secara umumnya pencapaian akademik sering dikaitkan dengan intelek semata-mata. Justeru, kemahiran sosio-emosi terbukti





memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik malahan penting dalam kehidupan seseorang untuk mencapai kejayaan dan perlu diberi penekanan dalam bidang pendidikan.

Goleman (2006) menegaskan bahawa kecerdasan intelek (IQ) menyumbang hanya lebih kurang 20% terhadap kejayaan dalam kehidupan, dan faktor lain menyumbang lagi 80%. Beliau mengandaikan bahawa kecerdasan emosi adalah faktor yang mempengaruhi kejayaan dalam kehidupan dan percaya bahawa mereka yang memiliki kecerdasan emosi akan berjaya dalam apa-apa bidang yang diceburi dan berpendapat, meskipun murid-murid mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama tetapi prestasi akademik mereka adalah berbeza. Percanggahan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi kebolehan pembelajaran



Menurut Yusof dan Nurul Ezzati (2008), untuk mendapatkan prestasi yang cemerlang dalam bidang akademik bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang murid. Kecemerlangan akademik juga perlu seiring dengan kecemerlangan dalam pelbagai perkara yang lain seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, pengurusan diri, akhlak dan personaliti kerana secara tidak langsung ia banyak membantu ke arah prestasi akademik yang cemerlang.

Daripada pendapat dan kajian ramai tokoh-tokoh akademik terkemuka, ternyata kemahiran sosio-emosi juga memainkan peranan besar yang menyumbang kepada kejayaan murid dalam akademik juga dalam pelbagai bidang lain walaupun





hanya kemahiran kognitif yang lebih dititikberatkan selama ini. Maka, adalah wajar tahap kemahiran sosio-emosi murid dikenal pasti. Dengan itu, kemahiran sosio-emosi setiap murid dapat ditambah baik supaya murid mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

1.3 Pernyataan Masalah

Semasa di alam persekolahan, prestasi akademik merupakan satu elemen yang sangat penting untuk mengukur pencapaian murid dan sejauh mana setiap murid menguasai sesuatu pelajaran. Oleh itu, prestasi akademik amatlah dititikberatkan oleh pelbagai pihak daripada pelbagai peringkat sama ada di peringkat kementerian, sekolah, ibu bapa malahan masyarakat umum.. Prestasi akademik melambangkan sama ada sistem pendidikan yang dijalankan berjaya atau tidak. Pelbagai aspek yang berada di sekeliling turut terlibat dalam aspek prestasi akademik (Hasmah, 2014). Prestasi akademik murid sekolah rendah di Malaysia dilihat melalui keputusan peperiksaan di sekolah.

Dalam keputusan UPSR 2016, hanya 4896 orang calon iaitu 1.11 peratus daripada 452751 orang calon yang mendapat keputusan cemerlang semua gred A. Keputusan ini merupakan satu penurunan yang agak ketara berbanding tahun 2015 (Madiha, 2016). Jumlah murid yang mendapat keputusan semua E adalah lebih tinggi iaitu 9519 orang calon, menunjukkan masih ramai murid yang tidak menguasai pembelajaran di sekolah rendah.





Keputusan UPSR 2016 seperti Jadual 1.1 menunjukkan prestasi yang tidak memberangsangkan walaupun pelbagai usaha telah dijalankan. Kurikulum di Malaysia telah mengalami beberapa proses perubahan dan sering ditambah baik dengan kurikulum standard dan pelbagai elemen diserapkan dalam bidang pendidikan, namun masih tidak menunjukkan impak yang tinggi terhadap prestasi akademik murid.

Jadual 1.1

Keputusan UPSR 2016

Keputusan UPSR 2016	Jumlah calon (murid)	Peratus (%)
Cemerlang 6A	4896	1.11
Maksimum 1B	8345	1.89
Minimum 2B	35752	8.11
Minimum 1C	91366	20.73
Minimum 1D	152825	34.67
Minimum 1E	137262	31.14
Semua E	9519	2.16

(Sumber daripada laman web KPM)

Teori Psikososial oleh Erikson (1959) dalam McLeod (2013) menegaskan bahawa perlunya penguasaan kemahiran-kemahiran tertentu di alam persekolahan oleh kanak-kanak dalam lingkungan usia enam hingga 12 tahun. Pada tahap ini, jika kanak-kanak gagal menguasai kemahiran yang sepatutnya sama ada di sekolah atau dalam kehidupan hariannya, ianya akan menyebabkan perasaan rendah diri dan tiada





keupayaan. Kanak-kanak juga tidak dapat mengembangkan kemahiran kognitif tanpa kemahiran sosio-emosi.

Namun, perkembangan sosio-emosi kanak-kanak sangat kurang diambil perhatian yang khusus berbanding perkembangan kognitif. Dalam bidang pendidikan, kebanyakan dasar yang dibangunkan serta program yang dijalankan adalah menjurus kepada kepada intelek murid sedangkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) jelas menyatakan bahawa tujuan pendidikan adalah memastikan perkembangan murid yang seimbang dalam pelbagai aspek termasuklah aspek emosi (Azizi et al., 2007).

Chan dan Rodziah (2012) berpendapat bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan murid seimbang dari pelbagai segi terutamanya seimbang dari segi kecerdasan intelek (IQ) dan kecerdasan emosi (EQ). Sistem pendidikan mempunyai peranan yang sangat penting dalam menghasilkan generasi dan pemimpin pada masa akan datang. Maka, sekolah adalah menjadi medium dalam membentuk dan membina murid yang bukan sahaja bijak tetapi juga berkebolehan dari pelbagai segi untuk menjadi pemimpin di masa hadapan (Yusof & Nurul Ezzati, 2008).

Hasil-hasil kajian yang telah dilakukan di pelbagai peringkat sama ada di dalam mahupun di luar negara mendapati bahawa sosio-emosi merupakan antara faktor utama dalam perkembangan kanak-kanak, selain mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan kognitif. Contohnya Azizi et al. (2007) melihat





emosi sebagai faktor yang mempengaruhi pembelajaran seseorang pelajar seterusnya membawa implikasi terhadap pencapaian akademik mereka.

Reinsberg (2014) juga menyatakan bahawa kanak-kanak yang berkemahiran sosio-emosi menunjukkan prestasi yang baik di sekolah. Kanak-kanak berkemahiran emosi tinggi mempunyai sikap positif terhadap pelajaran. Mereka menumpukan perhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran serta menyiapkan semua tugas yang diterima dengan bersungguh-sungguh.

Namun begitu, menurut Chan dan Rodziah (2012), kajian berkaitan emosi masih kurang dijalankan di Malaysia. Malah, peranannya dalam bidang pendidikan belum diberi penekanan yang sepatutnya. Maka, adalah wajar jika lebih banyak kajian dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara sosio-emosi dengan akademik.

1.4 Tujuan Kajian

Menurut Sulaiman (2003), penentuan tujuan kajian menjadi mudah melalui pernyataan permasalahan, penilaian kajian berkaitan, pernyataan hipotesis dan pentakrifan variabel yang digunakan. Azizi et al. (2007) menyatakan bahawa tujuan utama kajian dijalankan adalah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi ataupun mencari jawapan kepada persoalan yang timbul. Tujuan kajian boleh bersifat penerokaan, penjelasan dan pengelasan, penetapan perkaitan atau pernyataan sebab-akibat (Sulaiman, 2003).



Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti akan hubungan antara kemahiran sosio-emosi dengan prestasi akademik murid. Lima kemahiran sosio-emosi murid yang digunakan untuk kajian ini adalah kawalan diri, persisten, orientasi masteri, efikasi sendiri akademik dan kompetensi sosial. Kelima-lima kemahiran sosio-emosi tersebut merupakan pemboleh ubah bebas yang dikaji sama ada mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi akademik murid. Kajian ini adalah penting untuk melihat sejauh mana setiap kemahiran sosio-emosi itu mempengaruhi prestasi akademik murid di sekolah rendah.

Selain itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat perbezaan kemahiran sosio-emosi murid yang signifikan berdasarkan lokasi sekolah, jantina dan kaum. Dapatan daripada kajian ini penting supaya pelbagai tindakan yang sesuai boleh diambil untuk meningkatkan lagi kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan lokasi sekolah, jantina dan kaum.

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan kemahiran sosio-emosi dengan prestasi akademik murid sekolah rendah.

Manakala, objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui perbezaan tahap kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan lokasi sekolah.



2. Mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan jantina.
3. Mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan kaum.
4. Mengenal pasti hubungan antara kawalan diri dengan prestasi akademik murid.
5. Mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri akademik dengan prestasi akademik.
6. Mengenal pasti hubungan antara persisten dengan prestasi akademik.
7. Mengenal pasti hubungan antara orientasi masteri dengan prestasi akademik.
8. Mengenal pasti hubungan antara kompetensi sosial dengan prestasi akademik.



Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian telah dibina seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan lokasi sekolah?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan kaum?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan diri dengan prestasi akademik murid?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri akademik dengan prestasi akademik murid?





6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persisten dengan prestasi akademik murid?
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi masteri dengan prestasi akademik murid?
8. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi sosial dengan prestasi akademik murid?

1.7 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis yang perlu diuji dalam kajian ini adalah dibina berdasarkan persoalan kajian, iaitu:



Ho¹ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan lokasi sekolah.

Ho² : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan jantina.

Ho³ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran sosio-emosi murid berdasarkan kaum.

Ho⁴ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan diri dengan prestasi akademik murid.

Ho⁵ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri akademik dengan prestasi akademik murid.

Ho⁶ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persisten dengan prestasi akademik murid.





Ho⁷ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi masteri dengan prestasi akademik murid.

Ho⁸ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi sosial dengan prestasi akademik murid.

1.8 Kepentingan Kajian

Banyak kajian telah dijalankan di dalam dan di luar negara berkaitan dengan pembelajaran khususnya berkaitan dengan masalah pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik murid di sekolah. Setiap kajian mempunyai kepentingan terhadap pelbagai pihak. Oleh itu, hasil kajian ini dijalankan mempunyai

beberapa kepentingan seperti berikut:

- i. Kepentingan Kepada Murid: Dapatan kajian ini akan memberikan implikasi positif secara tidak langsung kepada pelajar. Kemahiran sosio-emosi pelajar akan diberi perhatian khusus dan pelbagai program yang bersesuaian dapat dirancang untuk meningkatkan prestasi akademik mereka. Selain itu, murid juga dapat menilai kemahiran sosio-emosi mereka serta berusaha untuk meningkatkan prestasi akademik. Kemahiran sosio-emosi yang dimiliki murid dapat membantu murid dalam akademik mahupun kehidupan harian sehingga mereka dewasa.
- ii. Kepentingan Kepada Guru: Dapatan kajian ini sangat membantu guru memahami kemahiran sosio-emosi pelajar dengan lebih mendalam lagi. Guru



dapat merancang pengajaran dan pembelajaran yang sesuai berdasarkan tahap kemahiran sosio-emosi murid. Sekain itu, guru juga dapat merancang pelbagai program untuk meningkatkan lagi kemahiran sosio-emosi murid demi meningkatkan pencapaian akademik murid mereka.

- iii. **Kepentingan Kepada Ibu Bapa Murid:** Ibu bapa sentiasa mengambil berat akan prestasi akademik murid. Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada para ibu bapa murid dan membantu mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam meningkatkan kemahiran sosio-emosi anak-anak mereka seterusnya untuk berjaya dalam akademik.
- iv. **Kepentingan Kepada Sekolah:** Pihak sekolah boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk mengadakan program-program yang bersesuaian untuk murid. Selain itu, pihak sekolah dapat mengenal pasti murid yang tidak memiliki kemahiran sosio-emosi seterusnya mengambil inisiatif membantu meningkatkan kemahiran sosio emosi-murid seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka.
- v. **Kepentingan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia:** Kajian ini penting sebagai rujukan KPM untuk merancang dasar yang sesuai yang menitikberatkan kemahiran sosio-emosi murid di sekolah. KPM juga boleh merancang pelbagai program pendidikan di pelbagai peringkat untuk meningkatkan lagi kemahiran sosio-emosi murid, dalam masa yang sama mempertingkatkan lagi mutu pendidikan negara ini.



- vi. **Kepentingan Kepada Penyelidik Akan Datang:** Penyelidik yang akan datang pula boleh menggunakan dapatan ini sebagai rujukan serta boleh dijadikan asas untuk membuat perbandingan untuk menghasilkan kajian yang lebih sempurna dalam usaha untuk memahami kemahiran sosio-emosi murid dan menghasilkan pelbagai idea baru untuk meningkatkan kemahiran sosio-emosi serta prestasi akademik mereka.

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan meliputi aspek jenis kemahiran sosio-emosi dan prestasi akademik murid sekolah rendah. Kajian ini terbatas kepada maklumat yang diperoleh oleh penyelidik daripada tinjauan literatur dan data daripada soal selidik terhadap responden yang telah dijalankan.

Kajian ini fokus terhadap kemahiran sosio-emosi murid sebagai pemboleh ubah bebas utama. Persoalan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan kemahiran sosio-emosi sahaja. Kajian ini tidak akan menyentuh aspek pertumbuhan dan perkembangan fizikal kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga tidak melibatkan perkembangan kanak-kanak dalam sudut yang lain seperti perkembangan kognitif, perkembangan bahasa dan perkembangan rohani.

Pemboleh ubah bersandar yang menjadi fokus kajian adalah prestasi akademik murid yang datanya diperoleh daripada keputusan peperiksaan akhir tahun. Keputusan peperiksaan akhir tahun di sekolah biasanya menjadi Take-Off Value (TOV) pada



tahun berikutnya, di mana ianya yang menjadi asas untuk mencapai prestasi seterusnya.

Kajian ini melibatkan murid sekolah rendah. Mengikut Teori Perkembangan Tugas Havighurst (1972), kanak-kanak dalam lingkungan usia enam hingga 12 tahun sudah menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira, menguasai kemahiran tertentu, belajar konsep hidup seharian, pembentukan moral, mencapai kebebasan peribadi dan memahami perasaan jantina. Mereka juga sepatutnya sudah belajar bergaul, berinteraksi dan berkomunikasi dengan individu lain serta membentuk sikap yang mengakui hak, keupayaan dan kelemahan pada setiap individu.

Maka, penglibatan murid-murid sekolah rendah adalah relevan untuk kajian ini. Kajian ini hanya memilih murid dalam lingkungan usia 11 tahun dan sedang belajar di tahun 5 sebagai populasi kajian. Murid yang lebih muda tidak dilibatkan dalam kajian ini atas faktor usia yang sangat muda dan dikhuatiri tidak dapat memberikan maklum balas yang tepat yang diperlukan untuk menjawab persoalan kajian. Murid tahun 6 tidak sesuai dilibatkan dalam kajian kerana mereka perlu fokus untuk menghadapi UPSR. Oleh kerana responden tidak dipilih secara rawak daripada populasi, keputusan mungkin tidak digeneralisasikan kepada semua populasi.


Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian kerana mudah dijawab oleh murid dan data daripada soal selidik boleh menjawab soalan kajian. Walau bagaimanapun, kesahihan kajian bergantung kepada kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik.



Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif fokus kepada kemahiran sosio-emosi murid di sekolah. Dapatan kajian tidak sesuai untuk menggambarkan kemahiran sosio-emosi murid secara keseluruhannya sama ada di daerah Kinta Selatan, negeri Perak atau di seluruh Malaysia. Namun, hasil daripada kajian ini boleh dijadikan panduan untuk mengenal pasti kemahiran sosio-emosi murid di sekolah dan hubungannya dengan prestasi akademik.

1.10 Kerangka Teori

Teori utama yang menjadi dasar kajian ini adalah Teori Perkembangan Psikososial yang diasaskan oleh Erik Erikson pada tahun 1959 yang berasaskan lapan peringkat perkembangan manusia. Kajian ini berfokus pada peringkat keempat; kompetensi melawan perasaan rendah diri kanak-kanak berumur lima hingga 12 tahun. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori berdasarkan peringkat keempat Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson.




Rajah 1.1. Kerangka Teori berdasarkan peringkat keempat Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson

1.11 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual adalah hubungan antara setiap pemboleh ubah dalam kajian. Kajian ini melibatkan kemahiran-kemahiran sosio-emosi yang diukur adalah dicadangkan oleh Child Trends (2014) iaitu kawalan diri, persisten, orientasi masteri, efikasi sendiri akademik dan kompetensi sosial.

Kemahiran sosio-emosi murid sekolah rendah akan diukur dan dilihat pengaruhnya dalam prestasi akademik murid. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual yang menerangkan hubungan antara setiap pemboleh ubah kajian.



Rajah 1.2. Kerangka konseptual kajian



1.12 Definisi Operasional

Dua istilah utama yang kerap digunakan dalam kajian ini adalah kemahiran sosio-emosi dan prestasi akademik. Terdapat lima kemahiran sosio-emosi yang digunakan sebagai pemboleh ubah bebas utama kajian iaitu kawalan diri, efikasi sendiri akademik, persisten, orientasi masteri dan kompetensi sosial. Prestasi akademik pula merupakan pemboleh ubah bersandar. Berikut merupakan definisi bagi setiap istilah istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.12.1 Kemahiran Sosio-Emosi



Reinsberg (2014) mendefinisikan kemahiran sosio-emosi adalah kanak-kanak yang boleh mengeluarkan idea, menunjukkan dan mengawal perasaannya, boleh menunjukkan empati terhadap orang lain, berasa yakin pada diri sendiri serta mudah mendapatkan kawan. Child Trends (2014) menyatakan bahawa kemahiran sosio-emosi melibatkan set kompetensi yang luas dan mencadangkan lima kemahiran spesifik iaitu kawalan diri, efikasi sendiri akademik, persisten, orientasi masteri dan kompetensi sosial.

1.12.1.1 Kawalan Diri

Kawalan diri didefinisikan sebagai kebolehan murid untuk mengawal emosi dan tingkah laku serta mengelakkan tingkah laku negatif (Bandy & Moore, 2010; Child





Trends, 2014). Menurut Muhammad dan Lokman (2014), kawalan diri melibatkan semua bidang tingkah laku.

Child Trends (2014) menyenaraikan fokus terhadap tugas yang diberi dan menunggu giliran untuk mendapatkan apa yang dikehendaki sebagai kemahiran kawalan diri. Bandy dan Moore (2010) pula menyatakan bahawa murid yang mahir kawalan diri tidak terlalu teruja untuk menyesuaikan dengan penerimaan masyarakat dalam situasi tertentu.

1.12.1.2 Efikasi Kendiri Akademik



Efikasi kendiri akademik merujuk kepada kepercayaan seseorang bahawa dia boleh melakukan pelbagai tugas akademik dengan efektif. (Liew et al., 2008; Wan Hanum Suraya, 2014). Bandura (1977) mendefinisikan efikasi kendiri akademik sebagai penilaian pelajar terhadap kebolehan mereka untuk menyusun dan melaksanakan tingkah laku pembelajaran untuk mencapai tahap pencapaian akademik yang dipilih, contohnya untuk lulus peperiksaan.

Efikasi kendiri akademik merujuk kepada penilaian pelajar terhadap kebolehan mereka untuk menyusun dan melaksanakan tingkah laku pembelajaran untuk mencapai tahap pencapaian akademik yang dipilih; sebagai contoh, untuk lulus peperiksaan (Bandura, 1986, 1997).





1.12.1.3 Persisten

Terma persisten digunakan untuk merujuk kepada matlamat kejayaan atau kegagalan seseorang dalam menyelesaikan tugas yang diberikan (Verma, 2014). Konsep asas persisten berfokuskan pada sikap kanak-kanak dan keazaman untuk meneruskan tugas atau berusaha menuju matlamat walaupun pelbagai cabaran atau kegagalan yang mungkin berlaku. Dalam peringkat keempat Teori Perkembangan Psikososial Erikson, murid mampu untuk menjalankan tugas yang sukar (Cherry, 2016). Murid yang memilih untuk terus berusaha menuju matlamat walaupun terdapat halangan, kesusahan dan cabaran didefinisikan sebagai persisten (Child Trends, 2014).



1.12.1.4 Orientasi Masteri



Orientasi masteri adalah kaedah belajar yang mana kanak-kanak akan belajar kerana dia ingin meningkatkan kompetensi keseluruhan atau kebolehan dari semasa ke semasa sehingga mahir dalam sesuatu (Wolters, 2004). Orientasi masteri secara umumnya didefinisikan sebagai sikap murid, kepercayaan dan tanggapan terhadap sekolah dan pembelajaran yang berhubung kait dengan pencapaian akademik yang positif dan kejayaan di sekolah (Snipes et al., 2012).

Murid yang memiliki kemahiran ini mempunyai matlamat pembelajaran, yang mana mereka akan prihatin terhadap kompetensi dan kebolehan mereka dalam menguasai tugas baru (Chien, 2012).





1.12.1.5 Kompetensi Sosial

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, kompetensi ditakrifkan sebagai kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap atau dengan jayanya. Kompetensi juga boleh ditakrifkan sebagai kecekapan.

Kompetensi sosial merujuk kepada set kemahiran yang luas untuk bergaul dengan orang lain dan berkelakuan membina dalam kumpulan (Smith & Hart, 2004). Child Trends (2014) mendefinisikan kompetensi sosial sebagai kebolehan murid untuk: 1) mengambil kira perspektif orang lain, 2) bekerjasama dengan rakan-rakan untuk menyiapkan tugas, 3) menyelesaikan masalah dengan melebihi kesan positif dan mengurangkan kesan negatif terhadap murid dan rakan-rakannya, dan 4) berkelakuan sepatutnya berdasarkan situasi dan norma sosial.



1.12.2 Prestasi Akademik

Abisamra (2000) menyatakan bahawa pencapaian merangkumi kebolehan dan prestasi murid; ianya pelbagai dimensi ianya secara tidak langsung berkaitan dengan tumbesaran manusia dan kognitif, emosi, sosial dan perkembangan fizikal. Abisamra (2000) turut mengambil definisi daripada Merriam Webster yang mendefinisikan pencapaian sebagai kualiti akan kuantiti hasil kerja murid.

Menurut Cherry (2016), gred dan maklum balas daripada pendidik akan meningkatkan motivasi murid untuk menumpukan perhatian terhadap kualiti kerja





mereka. Gred yang menentukan prestasi akademik murid di sekolah dicapai melalui hasil usaha murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, prestasi akademik dilihat berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun murid. Keputusan peperiksaan akhir tahun merupakan indikator yang menunjukkan tahap prestasi murid sepanjang tahun dan merupakan take-off value (TOV) untuk tahun berikutnya.

1.13 Kesimpulan

Perkembangan murid amatlah dititikberatkan oleh masyarakat kerana merekalah yang akan mewarisi peranan sosial dalam masyarakat selain bakal mewarisi kepimpinan dalam masyarakat dan negara. Dalam menaruh harapan pada bakal pemimpin masa depan ini, perkembangan mereka tentulah diperhatikan sejak kecil lagi. Kebolehan dan kemampuan mereka pada masa akan datang dapat dilihat dengan perkembangan mereka di sekolah. Oleh itu, kemahiran sosio-emosi mereka perlulah diberi perhatian sewajarnya agar mereka dapat menerima pendidikan secara menyeluruh dan terbentuk menjadi insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

